

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 2/2009

PINDAAN KAEDAH 17, KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui persidangan kali ke 23/2007 pada 5hb. November 2007 dalam menimbangkan Kertas Bil. 23/2362/2007(203) telah meluluskan cadangan pengurangan jumlah bayaran tambahan (denda) ke atas cukai tanah tertunggak di bawah Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Kelulusan terhadap cadangan tersebut membawa kepada pindaan Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 sebagaimana lampiran berkembar.
3. Pindaan ini memperuntukkan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mempertimbangkan pengurangan jumlah bayaran tambahan (denda) ke atas cukai tanah tertunggak. Pindaan ini merupakan antara usaha untuk menyelesaikan masalah tunggakan cukai tanah di negeri Kelantan.
4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bil. 4/2009. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

.....**t.t.**.....

(DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN HJ. AWANG)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3 (2)
BERTARIKH : 2 JAMADILAWAL 1430 HIJRAH
27 APRIL 2009

Kn.P.U.19

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2007.**

(Pindaan) Kaedah 17

2. Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966 [Kn. PU. 12/67] yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas Kaedah 17 kaedah-Kaedah yang berikut:

“17A Provide that the Director of Lands and mines may for any reasonable cause approves the remission of any sum of the additional fee to the rent in any particular case”.

Bertarikh 5 disember 2007
[PTG Kn. 16/4/14/(3)]

HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kelantan

Lampiran 1
Kn. P.U.19

NATIONAL LAND CODE

KELANTAN LAND (AMENDMENT) RULES 2007

In exercise of the powers conferred by section 14 of the National Land Code 1965 [*Act 56/1965*], the State Authority makes the following rules:

Name

1. These Rules may be cited as the **Kelantan Land (Amendment) Rules 2007**.

Amendment of Rule 17

2. Rule 17 of the Kelantan Land Rules 1966 [*Kn.PU.12/67*] which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, is amended by inserting after Rule 17 the following Rules:

“17A Provide that the Director of Lands and Mines may for any reasonable cause approves the remission of any sum of the additional fee to the rent in any particular case”.

Dated 5 December 2007
[PTG.Kn.16/4/14(3)]

HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL
Clark of State Executive Council
Kelantan